

Serangan peribadi boleh cetus pergaduhan

Henti sebar fitnah: Pak Lah

Gambar oleh Rosli Ahmad



Mereka ini reka cerita yang bukan-bukan dengan melemparkan bermacam tuduhan hanya semata-mata

kerana nak menang dalam pemilihan. Perbuatan ini tidak baik, memfitnah.... rosak semuanya. Kalau rasuah

diselesaikan, tetapi permainan politik dibiasakan dengan kerja yang macam ini, 'character assassination', menyebarkan

fitnah, akhirnya tidak ada apa yang baik terhasil.

Datuk Sen Abdullah Ahmad Badawi

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu ahli Umno menghentikan segera tindakan menyebarkan fitnah dan melakukan serangan peribadi terhadap lawan masing-masing, dalam pemilihan pada peringkat bahagian sekarang.

Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno berkata, fitnah dan serangan peribadi melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), surat layang dan laman web kini amat membimbangkan kerana ia boleh mencetuskan kekacauan dan pergaduhan dalam parti.

- **PM nafi kerajaan tiada wang - Muka 2**
- **Wawancara penuh - Muka 14 dan 15**

"Mereka ini reka cerita yang bukan-bukan dengan melemparkan bermacam tuduhan hanya semata-mata kerana nak menang dalam pemilihan. Perbuatan ini tidak baik, memfitnah.... rosak semuanya.

"Kalau rasuah diselesaikan, tetapi permainan politik dibiasakan dengan kerja yang macam ini, 'character assassination', menyebarkan fitnah, reka cerita hanya nak melingkup orang yang dianggap sebagai lawan, akhirnya tidak ada apa yang baik terhasil," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program 'Bersama Perdana Menteri' selama 45 minit yang disiarkan TV1 malam tadi. Program itu menampilkan tiga ahli panel, Datuk Johan Jaafar dari RTM, Pengarang Kumpulan Berita Harian, Hishamuddin Aun dan Pengarang Berita Bernama, Ahmad Zukiman Zain.

Abdullah ditanya mengenai harapan dan nasihatnya kepada perwakilan Umno yang menghadiri mesyuarat pemilihan peringkat bahagian bermula semalam sehingga 22 Julai ini. Perhimpunan Agung Umno diadakan pada 23 hingga 25 September ini.

Perdana Menteri berharap pemilihan untuk pelbagai jawatan pada peringkat bahagian itu dapat dijalankan sebaik mungkin mengikut peraturan serta perlembagaan Umno.

Katanya, ahli parti hendaklah bersatu padu dan menjadikan Umno terus kuat bagi melaksanakan tanggungjawab setelah Umno dan Barisan Nasional (BN)

'Jangan sampai lemahkan parti'

> DARI MUKA 1

mencapai kemenangan besar pada pilihan raya umum 21 Mac lalu.

"Untuk melaksanakan apa yang kita janjikan kepada rakyat dalam pilihan raya itu, kita perlu kekuatan... kekuatan kerajaan yang disokong dengan kekuatan parti. Kalau kita bermasalah dalam parti, berdebat ketika diadakan pemilihan dalam parti, ini melemahkan kita, melemahkan parti, melemahkan kerajaan.

"Kalau Umno lemah, ia boleh melemahkan BN juga. Keadaan ini tentulah mengecewakan rakyat yang memberi mandat besar itu, yang mahukan kita memikul tanggungjawab seperti diamanahkan," katanya.

Mengenai reaksi pelbagai pihak menjelang pemilihan peringkat bahagian Umno sehingga ada yang 'merengek' kerana berasakan kedudukan mereka itu tidak harus dicabar, Abdullah berkata, beliau tidak dapat mengawal pandangan yang pelbagai seperti itu.

"Macam-macam yang kita dengar. Walau apa pun, kita tak boleh elak daripada pemilihan yang akan berlaku. Seperti yang saya harap, pemilihan itu berjalan dengan sihat. Itu yang saya harap, sihat... tidak akan membawa kepada kesan buruk yang melemahkan parti kita," katanya.'